

**PENERAPAN BUDAYA RAGAMHIAS
BABA NYONYA DALAM SENI
RESIST TEKSTIL.**

OLEH:

**FILZAH BT. HJ. ABD. RAHMAN
92826200**

**DIPLOMA SENI LUKIS DAN SENI REKA
JABATAN SENI REKA TEKSTIL
KAJIAN SENI LUKIS DAN SENIREKA
INSTITUT TEKNOLOGI MARA
1993 / 1996**

Isi Kandungan	Muka Surat
----------------------	-------------------

Halaman Pemeriksa	
--------------------------	--

Penghargaan	i
Sinopsis	iii
Kaedah Penyelidikan	v
Senarai Sisipan	vii
Senarai Gambar	viii

BAB 1

1.0 Pengenalan	
1.1 Warisan Baba Dan Nyonya	
1.2 Sejarah Kedatangan Baba Dan Nyonya Ke Melaka	
1.3 Perkembangan Budaya Masyarakat	7
Baba Dan Nyonya	

BAB 2

2.0 Keunikan Adat Dan Budaya Baba Dan Nyonya	
2.1 Budaya Perkahwinan Baba Dan Nyonya	11
2.2 Adat Kelahiran Nyonya	17
2.3 Agama Dan Kepercayaan	20
2.4 Perkembangan Kesusteraan	23
2.5 Peralatan Nyonya	25
2.6 Alat-alat Perak Dan Emas Baba Dan Nyonya	27
2.7 Masakan Baba Dan Nyonya	29

PENGHARGAAN

Pertamanya, saya mengucapkan syukur ke hadrat Allah S.W.T. kerana dengan keizinan-Nya akhirnya dapat saya menyiapkan tesis ini. Ucapan terima kasih tidak terhingga buat kedua ayahbonda tercinta yang telah memberikan semangat dan kasih sayang untuk saya menyiapkan tesis ini. Segala sokongan moral dan wang ringgit yang telah ayahbonda korbankan akan anakanda ingati dan sanjung tinggi.

Ucapan terima kasih tidak terhingga buat Prof. Madya Zaharah Osman selaku penasihat saya dalam menjayakan tesis ini. Terima kasih di atas segala buah fikiran dan pendapat yang telah diberikan. Juga buat Puan Zaleha Shaari, Puan Basitah, En. Sulaiman dan Puan Zizi di atas tunjuk ajar dan perhatian terhadap saya.

Terima kasih juga diucapkan kepada pihak Jabatan Etnology, Muzium Negara terutama Puan Zubaidah Bt. Sual yang telah memberikan kerjasama kepada saya dalam menggunakan sumber rujukan bagi memperdalamkan lagi khazanah ilmu ini.

SINOPSIS

Dalam memperkatakan tentang penerapan nilai budaya dan ragamhias Baba dan Nyonya dalam seni resist teknik merupakan suatu tinjauan terhadap beberapa aspek terutama yang berkaitan dengan nilai kebudayaan dan juga kesenian di mana ia menjadi asas penting dalam penghasilan ragamhias dalam masyarakat Baba Nyonya.

Budaya Baba dan Nyonya adalah suatu amalan tradisi yang begitu unik dan terdapat banyak penerapan unsur-unsur kepercayaan yang boleh didapati melalui ragamhias yang terdapat pada budaya masyarakat Baba dan Nyonya ini. Budaya dan ragamhias yang terdapat pada masyarakat Baba dan Nyonya ada suatu tajuk yang menarik untuk dikaji dan seterusnya ia boleh menjadi suatu bahan rujukan yang amat berguna pada masyarakat umumnya. Ini adalah kerana budaya Baba dan Nyonya contohnya seperti perkahwinan, perayaan dan cara hidup mereka amat unik dan berbeza dengan masyarakat Cina di negara ini. Terdapat pula banyak unsur-unsur kepercayaan yang boleh didapati melalui motif yang terdapat pada ragamhias pada pakaian, kasut dan perabot Baba dan Nyonya. Ragamhias masyarakat Baba dan Nyonya boleh dilihat dengan jelas pada kebanyakan cara hidup Baba dan Nyonya.

BAB 1

1.0 Pengenalan

1.1 Warisan Baba Dan Nyonya

Berbicara tentang budaya dan ragamhias masyarakat Baba dan Nyonya satu-satunya golongan masyarakat Cina di Malaysia yang mempunyai ciri ciri sejarah dan sosio budaya yang unik dan tersendiri, berbeza dari kaum Cina yang lain. Sungguh pun pada masa ini golongan Baba sudah semakin pupus dan tidak memainkan peranan penting dalam pembentukan politik, ekonomi, sosial dan kebudayaan tempatan, mahu pun di kalangan masyarakat Cina sendiri. Namun begitu warisan mereka amat dikagumi dan dapat dinikmati keindahannya oleh generasi hari ini.

